


AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 16 BILANGAN 4 RABU 27 JANUARI 1971 1390 ذوالقعدة 30 رابو PERCHUMA



Kapal terbang 748 Hawker Siddeley.

D.Y.M.M. sa-telah menyaksikan bahagian dalam kapal terbang tersebut dengan di-ikuti oleh D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan dan T.Y.T. Pesurohjaya Tinggi, British, Awang A.R. Adair (gambar kiri).

Upacara menerima kapal terbang yang pertama untuk Brunei

BERAKAS. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah menerima dengan rasmi-nya kapal terbang baginda

jenis 748 Hawker Siddeley dalam satu upacara yang di-langsungkan di-lapangan terbang Berakas semalam.

Di-upacara itu, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah berangkat memeriksa kapal terbang itu dengan di-iringi oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohamad Bolkiah, Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim dan Pemerintah Askar Melayu Di-Raja Brunei, Dato Setia Colonel J.J.H. Simpson.

Kapal terbang itu telah tiba dari United Kingdom pada hari Isnin lepas.

Kapal terbang itu akan digunakan oleh Duli Yang Maha Mulia dan rombongan bagi
(Lihat Muka 8)

Pengakap Agong melawat Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengakap Agong Komonwealth, Lord Charles MacLean telah tiba di-Brunei pada hari Isnin untuk melakukan lawatan sa-lama empat hari ka-negeri ini.

Beliau telah di-sambut di-lapangan terbang Berakas oleh Pengakap Agong Negeri Brunei, Awang A.R. Adair dan pegawai2 kanan pengakap.

Di-lapangan terbang, Lord MacLean telah memeriksa satu barisan kehormatan yang terdiri dari pengakap dan guru2 pengakap di-Daerah Brunei-Muara.

Petang semalam, Pengakap Agong itu telah mengadap kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei di-Istana Darul Hana.

Dalam kunjongan itu, beliau telah di-temani oleh Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British, Awang A.R. Adair.

Petang ini, beliau akan
(Lihat Muka 8)



Lord MacLean ketika di-alu2kan ketibaan-nya di-lapangan terbang Berakas.

Pembukaan rasmi Pusat Pertubohan Pengakap

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohamad Bolkiah akan merasmikan pembukaan bangunan

baru Pusat Pertubohan Pengakap Negeri di-Jalan Gadong pada petang ini.

Bangunan yang menelan belanja lebih dari \$170,000.00 itu di-bena di-atas sa-buah ta-

pak sa-luas 10 ekar. Komplek tersebut mengandungi tiga buah bangunan, sa-buah dewan yang boleh menampung kira2 500 orang, sa-buah bangunan pentadbiran dan sa-buah asrama.

Peraduan2 nyanyian dan tarian asli

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jawatankuasa Kerja persatuan PERANGKAP dan KEMUKA akan menganjurkan pertandingan kesenian dan kebudayaan dalam bulan April tahun ini.

Pertandingan2 itu, yang terbuka kepada persatuan2 belia di-negeri ini akan di-adakan di-Pusat Belia di-Bandar Seri Begawan.

Achara2 dalam pertandingan itu ia-lah nyanyian2 dan tarian2 asli dan persembahan drama.

Pertandingan2 itu ia-lah lanjutan kepada pertandingan2 yang sama yang di-anjurkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam tahun 1969.

Borag2 masuk bertanding sekarang boleh di-dapati dari Awang Wahab bin Tengah, di-alamatkan Jabatan Kebajikan Masyarakat, Bandar Seri Begawan, Awang Abdul Rahman Yusof di-alamatkan Maktab SAOS, Bandar Seri Begawan, Awang Apeng bin Sarbun, di-alamatkan Jabatan Pelajaran Bandar Seri Begawan, dan Awang Rais bin Baneh, di-alamatkan Projek Penghapusan Malaria di-Jalan Berakas.



Gambar atas menunjukkan Pengetua Pengawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Awang Haji Mohd. Zain (kiri) sedang menerima derma tersebut dari Yang Di-Pertua PGGMB, Awang Shahbuddin bin Saheh. Sedang memerhati di-sebelah kiri ialah Bendahari Agong PGGMB, Awang Haji Daud bin Seruddin semantara di-sebelah kanan ialah Setia Usaha Jabatan Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abdullah bin Metassan. Gambar BP/JHEU.

Persekutuan Guru2 menderma \$500.00

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Guru-Guru Melayu Brunei telah menderma sa-banyak \$500.00 kepada tabung bantuan bagi bakal2 haji yang terlibat dalam wabak penyakit kolera dalam tahun 1970.

Derma tersebut telah disampaikan kepada Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Utama Awang Haji Mohd. Zain oleh Yang Di-Pertua PGGMB, Awang Shahbuddin bin Saleh pada 7 Januari yang lalu.

PEMBETULAN

Sementara itu, derma dari Persatuan PERDA, Kampong Penanjong Tutong yang telah di-sampaikan dua minggu yang lalu adalah sa-banyak \$100.00, bukan \$40.00 seperti yang diberitakan.

'Museum Journal' boleh di-beli dari sekarang

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majalah Muzium Brunei (Museum Journal) tahun 1970 dalam bahasa Inggeris sekarang ada di-jual di-Jabatan Muzium Brunei di-Kota Batu dan kedai2 buku di-negeri ini.

Buku itu mengandungi 327 muka dan mempunyai 21 buah renchana, antara-nya mengenai adat istiadat, sejarah, ilmu tugas2 bahagian tu-boh dan lain2 aspek berbagai2 kaum dan kehidupan di-Borneo terutama sekali di-Brunei.

Di-antara penulis2 buku itu ia-lah Penyelenggara Muzium Brunei, P.M. Sharifuddin, Pegawai Perikanan Negara Dr. E. Birkenmeier, Tuan Alen R. Maxwell dari Universiti Yale di-Amerika dan Bishop A.D. Galvin dari Cambridge Universiti, England.

Muzium Brunei juga mencetak keluaran khas buku yang bertajuk **The Structure History of Bornean Malay Sultanate** oleh Dr. D.E. Brown.

Dr. Brown berada di-Brunei dalam tahun 1967 hingga 1968 untuk membuat pengkajian bagi mendapat jizah Ph.D.

Beliau sekarang menjadi pensharah di-Universiti California di-Amerika.

Perlumbaan rentas desa sekolah2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bahagian Pendidikan Jasmani Jabatan Pelajaran akan mengadakan perlumbaan rentas desa antara sekolah2 rendah dan menengah di-seluruh negeri.

Ia-nya terbahagi kepada dua ia-itu kumpulan lelaki dan perempuan.

Perlumbaan perengkat daerah akan di-langsungkan pada akhir bulan Januari ini, sementara perengkat akhir seluruh negeri akan di-adakan dalam bulan depan.

Sa-orang juruchakap Bahagian Pendidikan Jasmani Jabatan Pelajaran menyeru kepada sekolah2 yang belum lagi menghantar penyertaan pasokan masing2 hendaklah berbuat dengan sa-beberapa segera.

Kelas bahasa Inggeris di-S.M. SUAS

MUARA. — Sa-banyak empat buah kelas dewasa bahasa Inggeris dan Urusan Rumah Tangga telah pun di-buka di-Sekolah Melayu SUAS Muara awal bulan ini.

Dua kelas Urusan Rumah Tangga termasuk masakan, jahitan dan sulaman dan dua kelas bahasa Inggeris primary IV, primary VI telah di-adakan dan satu lagi kelas form satu akan di-buka tidak lama lagi.

Penyelia kelas dewasa di-sekolah itu Che'gu Julaihi bin Sulaiman telah pun mendaftarkan lebih 30 orang yang akan memasuki pelajaran trengkas

dan menaip di-sekolah itu dan pelajaran2 itu akan di-mulakan minggu depan.

Beliau juga sedang mendaftarkan pelajaran membentangkan buta huruf peringkat rendah hingga tingkatan satu, dua dan tiga.

Penyelia kelas dewasa itu menyeru kepada mereka yang ingin mengikuti pelajaran2 itu hendaklah mendaftarkan nama mereka semasa kelas2 itu di-buka pada bila2 masa.



Awang Eric Vennell telah memenangi perlumbaan utama dalam perlumbaan go-kart bagi merebut Piala Pusingan Tim Tim Boon yang telah di-adakan di-Berakas Kem pada hari Ahad.

Beliau juga telah memenangi perlumbaan 20 pusingan dan mendapat tempat ketiga dalam perlumbaan 30 pusingan.

Ibrahim bin Ahmad mendapat tempat kedua dalam perlumbaan utama itu sementara Fred de Costa memenangi tempat ketiga.

Suresh Janardanan memenangi tempat kedua dalam perlumbaan 20 pusingan dan Mike Birley memenangi tempat ketiga.

Sgt. Yunos memenangi perlumbaan 30 pusingan dan Ibrahim mendapat tempat kedua. (gambar atas).

Lesen2 anjing

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Bandaran Di-Bandar Seri Begawan telah mulai mengeluarkan lesen2 anjing bagi tahun 1971.

Lesen2 itu, boleh di-dapati pada waktu2 bekerja, tetapi tidak lewat dari pukul 2.30 petang.

Bayaran lesen itu, ia-lah \$3.00 bagi anjing jantan dan \$5.00 bagi anjing betina.

Semua anjing yang mempunyai lesen bagi tahun 1971, hendaklah di-kalungkan kaleher anjing2 tersebut.

Satu pengumuman Jabatan Bandaran berkata, anjing2 yang tidak berlesen sa-lepas 31 Mach akan di-hapuskan.

Untuk bahagia di-dunia dan akhirat hanya-lah dengan berilmu

KHUTBAH JUMA'AT

Negara yang ingin maju
di-dalam segala lapangan itu
sentiasa memerlukan
orang2 yang bijak pandai

TELAH kita fahami bersama bahawa Islam ada-lah suatu agama yang sentiasa menyuruh dan menggalakan pemeluk2-nya supaya mencari ilmu pengetahuan, berusaha dan berikhtihar serta menyelideki apa2 yang telah di-sediakan oleh Allah Subhanahu-wataala. Malah ia-nya memerintah manusia supaya mengkaji dan menyelongkar apa yang ada di-langit dan di-bumi, guna untuk mencari kemajuan dan ketinggian hidup.

Allah Subhanahu-Wataala telah menyediakan bahan2 kajian dan penyelidikan yang sangat banyak untuk umat manusia, sama ada di-langit mau pun di-bumi. Segala bahan2 kajian tersebut telah diterangkan oleh Allah seru sekalian alam di-dalam kitab suci Al-Quran di-surah Yunus ayat 101 yang bermaksud:

"Ketakan-lah oleh mu hai Mohammad kepada manusia, selideki dan kaji-lah apa yang di-langit dan di-bumi".

Segala kajian dan penyelidikan terhadap benda2 yang di-sediakan oleh Tuhan itu ti-

dak akan terchapai oleh manusia kira-nya tidak melengkapi diri-nya dengan ilmu pengetahuan, kerana dengan ilmu pengetahuan sahaja-lah yang dapat menolong manusia untuk mengkaji dan menyelideki di-dalam sa-suatu perkara itu. Sebab itu dasar Islam memberatkan dan mewajibkan

pemeluk2-nya agar menuntut ilmu pengetahuan dengan satinggi2-nya. Sa-bagaimana menurut sa-buah hadith Rasulullah s.a.w. yang berberbunyi:

"Bahawa menuntut ilmu pengetahuan itu wajib di-atas orang2 Islam sama ada lelaki dan perempuan."

Ilmu pengetahuan yang di-anjorkan oleh Islam amat-lah luas bidang-nya. Ia meliputi untuk di-dunia dan akhirat. Ilmu pengetahuan yang dapat menjamin kebahagiaan dan perdamaian serta ilmu pengetahuan yang dapat menyelamatkan manusia daripada penyakit2 jasmani dan rohani. Jelas-lah di-sini bahawa tujuan Islam dalam menuntut ilmu pengetahuan ini ada-lah supaya manusia dapat menggunakan ilmu-nya untuk kebaikkkan manusia seluruh-nya, bukan untuk merosakkan dan merugikan.

Nabi besar Mohammad s.a.w., sa-bagai pemimpin agong Islam sentiasa menggalakan umat-nya mencari ilmu pengetahuan, tidak kira ilmu itu untuk kepentingan dunia dan akhirat, asalkan ilmu itu

berfaedah dan mendatangkan kebaikkkan kepada manusia. Perkara ini di-tegaskan sendiri oleh Rasulullah s.a.w. dengan sabda-nya yang bermaksud:

"Siapa yang hendak hidup di-dunia hendak-lah dengan berilmu, sa-siapa yang hendak bahagia di-akhirat hendak-lah berilmu dan sa-siapa yang hendak bahagia di-dunia dan di-akhirat kedua-nya hendak-lah dengan berilmu".

Daripada hadith yang tersebut di-atas, dapat-lah kita fahamkan bahawa anjoran Rasulullah s.a.w. dalam menuntut, ini termasuk-lah ilmu2 kedoktoran. Ilmu kejuruteraan, ilmu perekonomian, ilmu perniagaan, ilmu perubahan dan lain2 lagi.

Dalam negara kita yang sedang menuju ka-arrah pembangunan dan kemajuan ini, ilmu pengetahuan yang tinggi ada-lah sangat penting dan perlu sekali, kerana negara yang ingin maju di-dalam segala lapangan itu sentiasa memerlukan dan berkehendakkan orang2 yang bijak pandai.

Oleh yang demikian, adalah di-serukan kepada seluruh kaum muslimin agar kita berlumba2 untuk mencari ilmu pengetahuan dan hendak-lah kita beri anak2 kita ilmu pengetahuan dan pelajaran dengan satinggi2-nya bagi menjayakan kehendak negara kita yang bertuah ini dan untuk menjamin kehidupan anak2 kita di-masa depan.



Badan Penerangan Ugama Islam, Jabatan Hal Ehwal Ugama akan menganjorkan satu kursus Belia dan Ugama bagi ahli2 Persatuan Melayu Keriam Tutong pada hari ini, 27 Januari, mulai jam 2.30 petang.

Kursus seperti itu ada-lah kali kedua di-anjorkan oleh Badan Penerangan Ugama Islam bagi persatuan belia di-negeri ini.

Kursus yang pertama di-adakan di-Sengkurong pada dua minggu yang lalu bagi ahli2 Persatuan Belia Sengkurong.

Gambar atas menunjukkan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Utama Awang Haji Mohammad Za'in menyampaikan ucapan ketika merasmikan kursus Belia dan Ugama di-Kampung Sengkurong baru2 ini.

Pertandingan membacha Al-Quran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Ikatan Setia Pahlawan-INSAP akan mengadakan pertandingan membacha Al-Quran bersempena menyambut Hari Raya Haji bulan depan.

Peraduan yang di-adakan sa-bagai salah satu daripada projek tahunan persatuan itu, hanya terbuka kepada persatuan2 belia, kebajikan dan maktab2 di-Daerah Brunei-Muara.

Borang2 untuk memasoki pertandingan boleh di-dapati dari Awang Adinin bin Mayalin di-Jabatan Perubatan; Awangku Mohamed bin Pengiran Ludin di-alamatkan di-Jabatan Kerja Raya dan Awang Asbinin bin Mayalin di-Pejabat Pos Bandar Seri Begawan, dan borang2 itu hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 3 Februari, 1971.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara. Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 27 Jan., 1971 hingga ka-hari Selasa 2 Feb., 1971 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
27 Jan.	12-39	3-59	6-36	7-47	5-07	5-21	6-36
28 Jan.	12-39	3-59	6-36	7-47	5-07	5-21	6-36
29 Jan.	12-39	3-59	6-36	7-47	5-07	5-21	6-36
30 Jan.	12-39	3-59	6-36	7-47	5-07	5-21	6-36
31 Jan.	12-39	3-59	6-36	7-47	5-07	5-21	6-36
1 Feb.	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36
2 Feb.	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



27hb. Januari, 1971.

WANITA BRUNEI

WANITA dan kaum ibu Brunei ada-lah kaum yang paling senang hati, berbanding dengan kaum sa-jenis mereka di-sababagian besar negara2 yang sedang dan sudah membangun di-dunia ini.

Dapat di-katakan bahawa wanita dan kaum ibu Brunei telah tidak pernah mengalami masalah2 yang besar seperti yang di-alamai oleh golongan mereka yang berada di-merata2 dunia. Dalam satu waktu dahulu, kita pernah mengikuti kesah2 tegang berhubung dengan tuntutan wanita2 dan kaum2 ibu di-negara2 yang membangun mengenai dengan persamaan taraf dan layanan sapertimana yang dinikmati oleh kaum lelaki. Tuntutan itu di-lahirkan oleh kaum wanita dan ibu2 yang terdiri dari pekerja2 sama ada dalam jabatan2 kerajaan mahu pun dalam fabrik2 perniagaan. Mereka mengadakan perjumpaan2 besar, tunjok2 perasaan dan macham2 lagi tipu daya mereka untuk mendapatkan persamaan taraf itu. Hanya dengan melalui perjuangan2 yang gigih itu saja, di-samping mengalami berbagai2 bentuk pengurbanan, baru-lah mereka mendapat perhatian yang wajar.

Tetapi, tidak bagitu keadaan-nya dengan wanita2 dan kaum2 ibu Brunei dan dapat di-katakan perbedaannya amat jauh sekali, malah tidak-lah berbebehan di-rasakan kalau perbezaan itu di-ibaratkan seperti bumi dengan langit.

Wanita2 dan kaum2 ibu Brunei mengalami kesesuaian hidup yang bagitu tinggi dan mereka mendapat penghormatan sapertimana yang di-dapat oleh kaum lelaki. Tidak terdapat perbezaan antara pekerja2 wanita atau kaum ibu dan kaum lelaki di-Brunei. Mereka menerima gaji yang sama dan layanan atau kemudahan2 yang tidak berbeza, terutama di-kalangan pekerja2 wanita atau kaum ibu yang berjawatan tetap.

Menyebut akan soal perbezaan antara kaum wanita Brunei dengan kaum wanita di-negara2 yang membangun, berangkali hanya-lah terdapat dalam bidang kegiatan2 pergerakan sama ada dari sudut sosial, politik dan ekonomi. Kaum ibu atau wanita2 di-negara2 yang membangun telah menampakkan kesanggupan mereka untuk turut berkechimpong dalam lapangan2 tersebut, malah terdapat di-antara mereka itu telah jauh melangkah ka-satu sudut yang tidak pernah termimpi oleh kita dapat di-pegang oleh kaum ibu. Perubahan besar di-kalangan wanita dan kaum2 ibu itu ada-lah menampakkan betapa isi2 dunia hari ini menchapai kemajuan yang amat pesat.

Dapat-lah di-katakan mereka telah menchapai peringkat yang berkemajuan khas-nya di-lapangan sosial dan ekonomi saperti kegiatan2 yang selalu di-laksanakan oleh PERTIWI, W.I. dan Corona. Dalam pada itu harus juga di-utamakan oleh mereka berhubung dengan pembangunan masyarakat Brunei supaya jenerasi2 Brunei benar2 menampakkan keBruneian yang sejati yang berperibadi tinggi, bersopan santun dan beradat-lembaga.

Banchi Penduduk Negeri Brunei sudah berjalan sa-banyak lima kali

DALAM dua buah renchana mengenai Banchi Penduduk Negeri Brunei yang telah terbit dalam akhbar ini keluaran 13hb dan 20hb Januari, 1971 telah menyatakan tentang kedudukan banchi di-negeri ini yang pernah di-laksanakan. Rumusan dari renchana itu telah menyarankan bahawa sa-jauh ini Negeri Brunei telah mengalami sa-banyak empat decade kerana selain dari banchi pada tahun2 1931, 1947 dan 1960, banchi tahun 1921 ada-lah juga banchi menyeluruh dan tidak di-dasarkan kepada bilangan penduduk di-Pekan Brunei waktu itu sahaja.

Menurut keterangan Yang Berhormat Pehin Datu Perdana Menteri Dato Seri Utama Awang Haji Ibrahim bin Mohammad Jahfar, Speaker Majlis Mashuarat Negeri Brunei, sa-bagai menegor renchana2 mengenai banchi itu, Brunei telah mengalami pembanchian yang pertama dalam tahun 1911. Dengan Pembanchian dalam tahun 1911 saperti yang di-terangkan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Perdana Menteri Dato Seri Utama Awang Haji Ibrahim itu, Brunei telah mengalami lima pembanchian ia-itu pada tahun2 1911, 1921, 1931, 1947 dan 1960.

Beliau juga menjelaskan bahawa banchi yang di-jalankan dalam tahun 1921 itu bukan-lah dengan chara anggaran, tetapi ada-lah dengan chara keseluruhan-nya dengan keterangan2 yang lengkap tentang bilangan penduduk yang terdiri dari berbagai2 bangsa dan peringkat.

Beliau amat tertarek dengan renchana2 yang telah di-terbit

kan itu, khas-nya dalam keluaran Pelita yang bertarikh 20hb. Januari, 1971 dan dengan sukachita beliau telah menulis untuk memberikan keterangan yang lengkap berhubung dengan gerakan banchi penduduk Negeri Brunei yang pertama dalam tahun 1911 dan kedudukan yang sa-benar terhadap banchi yang di-jalankan tahun 1921.

Akhbar ini memberikan penghargaan yang satinggi2-nya terhadap perhatian penoh beliau itu, kerana hanya dengan sikap yang demikian saja akan dapat mengatasi masaalah kurang-nya bahan2 rujukan yang penting saperti itu.

Dengan sikap beliau itu juga, akan dapat-lah di-laksanakan ranchangan2 penerangan dengan sempurna. Mudah2an dari sikap beliau sa-bagai salah sa-orang yang terkemuka yang pernah berkechimpong dalam pentadbiran Brunei itu, akan dapat memberikan perangsang kepada orang2 lain untuk sama2 membantu dengan jujur dan ikhlas sapertimana yang di-lakukan oleh Yang Berhormat, Pehin Datu Perdana Menteri itu.

Berhubung dengan perkara banchi penduduk yang pertama di-alamai oleh Negeri Brunei, Yang Berhormat Pehin Datu Perdana Menteri menulis:

Daripada keterangan2 yang di-keluarkan oleh Kerajaan Brunei bahawa banchi yang pertama kali di-adakan di-seluruh Negeri Brunei ia-lah pada 10hb. Mach, 1911. Dari pembanchian itu telah di-dapati jumlah penduduk di-seluruh Negeri Brunei ia-lah sa-bagaimana yang di-bawah:

i) Bagi seluroh penduduk Negeri Brunei ia-lah sa-banyak 6,400 dewasa lelaki; dan dewasa perempuan 7,193.

ii) Bagi kanak2 lelaki 4,139 dan kanak2 perempuan 3,986.

Jumlah penduduk sa-negeri Brunei ia-lah 21,718. Jumlah 21,718 ini ada-lah terbahagi sa-bagaimana di-bawah:

i) Orang Puteh (European)	20
ii) Eurasian	2
iii) Melayu Brunei	11,554
iv) Bangsa India	44
v) China	736
vi) Kedayan	4,931
vii) Tutong	1,667
viii) Daleh	118
ix) Orang Belait	1,097
x) Murut	563
xi) Dusun	951
xii) Lain2	35

Penduduk di-Pekan Brunei ia-lah berjumlah 9,767 dan Mukim2 yang di-luar daripada Pekan Brunei 4,696. Di-Bandingkan bahagian2 lelaki dengan perempuan ia-lah 21 lelaki, 3 perempuan dan kanak2 lelaki dan kanak2 perempuan sama bahagian.

Bagitu juga banchi tahun 1921 bukan hanya di-sekitar Bandar Brunei sahaja bahkan ia-lah bagi seluroh Negeri Brunei yang di-jalankan pada 24hb. April, 1921.

Daripada pembanchian itu telah di-dapati penduduk seluroh Negeri Brunei ia-lah berjumlah 25,454 mengandongi saperti di-bawah ini:

Daerah	Semua bangsa	Orang Puteh	Melayu Bangsa Borneo	China	India	dil.
Pekan Brunei & Mukim2	14,134	23	13,432	650	21	8
Belait	1,541	—	1,445	95	1	—
Muara	2,548	3	2,211	331	3	—
Temburong	2,912	6	2,631	268	6	1
Tutong	4,319	3	4,219	90	6	1
Jumlah:	25,454	35	23,938	1,434	37	10



Ketibaan kapal2 ronda AMDB di-tanggohkan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ketibaan dua buah kapal ronda AMDB dari Singapura telah di-tanggohkan.

Kapal2 tersebut — K.D. Saleha dan K.D. Masna di-jadualkan bertolak dari Singapura dalam masa beberapa minggu lagi.

Kapal2 ronda yang panjangnya 62 kaki itu telah di-bena oleh Vosper Thoneycroft Uniters di-Singapura.

Kapal2 itu telah di-lancarkan oleh Datin Simpson, isteri Pemerintah Askar Melayu Di-Raja Brunei, Dato Setia Colonel J.J.H. Simpson dalam satu upacara yang telah di-adakan di-limbongan pembena kapal itu dalam bulan September tahun lepas.

Kapal2 tersebut di-reka khas bagi di-gunakan di-perayeran Brunei, dan boleh belayar sa-laju 27 knot.

Kaptan Kifli bin Orang Kaya Setia Razali, sa-orang pegawai tempatan akan di-tugaskan memerintah kapal ronda K.D. Saleha, sementara Kaptan Ross Canning Ure, dari Angkatan Laut Di-Raja British yang di-pinjamkan kepada Askar Melayu Di-Raja

Brunei akan memerintah kapal K.D. Masna.

Perjumpaan bekas pelajar

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu perjumpaan di-antara bekas pelajar2 Sekolah2 Menengah Melayu Negeri Brunei akan di-adakan di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan pada hari Jumaat 29hb. Januari, 1971 mulai jam 8.00 pagi kerana mashuarat penubuhan persatuan bekas Pelajar2 Sekolah2 Menengah Melayu Sa-Negeri Brunei.

Sa-orang juruchakap jawatan-kuasa penaja sementara persatuan itu menyeru semua bekas pelajar2 yang berkenaan supaya menghadiri perjumpaan itu.

Gambar atas menunjukkan sa-bahagian daripada ahli2 Persatuan PERTIWI yang telah menghadiri Mashuarat Agong tahunan persatuan itu yang telah berlangsung di-Pusat Belia pada hari Jumaat, 22hb Januari, 1971.

Rekrut2 baru melaporkan diri

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 50 orang rekrut baru telah melaporkan diri pada hari Isnin di-Bolkiah Kem di-Jalan Berakas bagi pendaftaran masuk berkhidmat dengan Askar Melayu Di-Raja Brunei.

Rekrut2 itu ada-lah kumpulan pengambilan yang ke-23.

Pegawai pemerintah kompeni latihan berkata, rekrut2 itu akan mulai berlatih dalam minggu depan.

Bagi enam bulan yang pertama rekrut2 itu akan menjalani kursus latihan pokok di-ikuti oleh latihan lanjutan selama enam minggu.

Semasa menjalani kursus itu rekrut2 itu akan di-ajar berbaris, menggunakan senjata, taktik perang, menembak, perang hutan dan ketenteraman awam.

Sa-telah tamat latihan, rekrut2 itu akan di-tugaskan ka-berbagai2 kompeni dalam Askar Melayu Di-Raja Brunei.

Rumah sakit Kuala Belait akan siap tidak lama lagi

KUALA BELAIT. — Kerja2 menyelesaikan pemasangan bahagian dalam bangunan baru rumah sakit di-Kuala Belait sedang berjalan lancar, dan menurut sa-orang juruchakap bagi sharikat2 Booty, Edwards dan Rakan, yang mereka projek tersebut dan mengawasi pembenaan-nya bagi pehak kerajaan, bahawa pemasangan alat2 rumah sakit juga sedang di-jalankan.

Rumah sakit baru yang menelan belanja \$12.2 juta itu terletak di-satu kawasan sa-luas 29 ekar itu

Ini ada-lah perengkat pertama projek yang meliputi bangunan rumah sakit dan

bangunan chabang-nya.

Ward2 di-blok2 yang bersambung dengan bangunan utama, dan bahagian sakit otak akan mempunyai 184 katil, ia-itu 20 untuk lelaki dan 18 untuk perempuan pesakit2 kerana pembedahan; 14 bagi kelahiran; 8 bagi pesakit alat kandungan; 4 bagi rawatan penting; 6 bagi pesakit mata dan telinga; 20 katil untuk perubatan bagi pesakit lelaki dan 18 perempuan; dan 12 bagi pesakit2 otak.

Bahagian2 kaji penyakit; bagi pemulahan anggota, X-ray dan pergigian terletak di-blok2 melintang yang bersambung dengan tiga blok ward tadi.

SI-TUYU oleh: m. sallah ibrahim





Gambar atas: Rekrut2 berjalan lalu dalam upacara perbarisan tersebut, sementara gambar kiri: Pte. Pungut sedang menerima piala sa-bagai penembak terbaik dari Lt. Col. Davis.

Upachara perbarisan tamat latehan

BERAKAS. — Pegawai Pemerintah Task Force Askar Melayu Di-Raja Brunei, Lt. Colonel J.F. Davis menasehatkan rekrut2 supaya ta'at setia kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Per-tuan Negeri Brunei.

Lt. Colonel Davis telah ber-uchap di-upachara perbarisan tamat latehan 31 orang rekrut di-Bolkiah Kem di-Jalan Berakas pada hari Jumaat lepas.

Lt. Colonel Davis berkata, sekarang rekrut2 itu sudah diterima sa-bagai askar2 yang terlatch, ini bukan bererti rekrut2 itu tidak ada lagi yang perlu di-pelajari mereka meng-enai hal ehwal ketenteraan.

Beliau juga menasehat rekrut2 itu supaya mereka jangan sekali2 berhenti berusaha untuk mempelajari sa-suatu bagi faedah diri mereka sendiri dan pasukan Askar Melayu.

Lt. Colonel Davis berkata, beliau sangat tertarik hati oleh mutu perbarisan yang ditunjokkan oleh rekrut2 itu.

Perbarisan tamat latehan latehan hari itu ia-lah bagi rekrut2 dari kumpulan pengambil-an yang ke-21.

Lt. Colonel Davis juga menyampaikan hadiah2 kepada rekrut yang terbaik dan penembak yang terbaik di-upachara itu.

Private Murni telah menerima hadiah sa-bagai rekrut yang terbaik sementara Pt. Pungut menerima hadiah bagi penembak yang terbaik.

Perlawanan akhir bola sepak anjoran PERKA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perlawanan akhir bola sepak antara pasukan PERANGKAP dengan Persatuan Ikatan Belia Berakas — IBB akan di-adakan di-padang Sekolah Melayu Amar Pahlawan, Berakas pada hari Jumaat 29 Januari mulai 4.30 petang.

Perlawanan yang di-anjorkan oleh Angkatan Persatuan Pemuda Pemudi Kawasan Perpindahan Kampong Ayer, Berakas — PERKA itu ada-lah bagi menentukan johan dan naib-johan bagi kawasan Brunei III.

Pemenang dalam perlawanan itu

Brunei akan sertai perlawanan bola Sekolah2 di-S'pura

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei akan menghantar sa-pasokan pemain2 bola sepak Kejohanan bola sepak sekolah2 antara bangsa kali kedua yang akan berlangsung pada 22 Julai hingga 2 Ogos tahun ini.

Penyusun Latehan Jasmani Awang Haji Abdi Manaf berkata Brunei telah menerima jemputan dari Majlis Sokan Champoran Sekolah2 Menengah Singapura untuk menyertai perlawanan itu.

Satu pemilehan peringkat daerah seluruh negeri akan di-jalankan bulan Mach ini dan pasukan yang mewakili Daerah masing2 akan di-bawa kaperingkat akhir seluruh negeri dalam bulan Mei akan datang.

Tiga orang pegawai2 yang di-lantek oleh Jabatan Setia-usaha Kerajaan terdiri dari Awang Hussain bin P.O.K. Di-Gadong, Awang John Then dan Che'gu Mohamad bin Ismail akan menjalankan pemilehan bagi pemain2 yang terbaik dalam perlawanan akhir itu.

Pemain2 yang terpilih kaperlawanan itu akan menjalani latehan2 asas di-Bandar Seri Begawan dengan di-beri kemudahan2 pelajaran, tempat tinggal, makan dan minum dengan perchuma.

Penyusun Latehan Jasmani itu juga menyeru kepada semua sekolah2 yang belum lagi menghantar pasukan masing2 hendak-lah berbuat demikian dengan seberapa segera.

nanti akan menerima sa-buah perisai pusingan yang di-hadiahkan oleh Awang Ahmad bin Mohd. Yusof.

Setia Usaha MBB, Awang Ya'akub bin Ahmad di-jadualkan akan menyampaikan hadiah di-akhir perlawanan itu nanti.

Jadual pemereksaan alat2 sukatan dan timbangan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pegawai2 Pemereksa Sukatan dan Timbangan akan melawat ka-beberapa tempat di-negeri ini untuk menjalankan pemereksaan tahunan alat2 sukatan dan timbangan.

Pemereksaan yang bermula di-Bandar Seri Begawan pada 4 Januari itu akan di-teruskan hingga 1 Mach hadapan.

Penduduk2 yang mempunyai perkakas sukatan dan timbangan dari Kampong Serasa dan Batu Marang hendak-lah membawa perkakas mereka ka-Pekan Muara pada 2 Mach.

Rombongan pemereksa itu akan berada sekali lagi di-Bandar Seri Begawan pada 3 Mach hingga 13 Mach.

Sa-lepas itu mereka akan pergi ka-Pulau Baru-Baru dan Berbunut pada 15 Mach dan berada di-Bandar Seri Begawan pada ka-esokan hari-nya hingga 20 Mach.

Rombongan pemereksa itu akan melawat Kampong Sengkunong pada 20 Mach.

Penduduk2 di-Daerah Tutong termasuk kampung2 Telisai, Danau hendak-lah membawa perkakas timbangan mereka ka-Pejabat Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Tutong di-antara 23 Mach hingga 28 Mach.

Sa-telah itu mereka akan

pergi ka-Kampung Tunggulian dan Kampong Sungai Liang pada 29 Mach.

Mereka akan berada di-Bandar Seri Begawan pada 30 Mach hingga 3 April.

Penduduk2 yang mempunyai alat2 perkakas sukatan dan timbangan di-Kampung Temburong Lama, Biang Estate, Pendaruan, Puni, Belaban, Batu Apoi, Labu Estate dan lain-nya di-Daerah Temburong hendak-lah membawa perkakas mereka ka-bilik bacaan Temburong di-antara 4 hingga 10 April.

Penduduk2 yang mempunyai perkakas sukatan dan timbangan dari Kampong Bukit Puan, dalam kawasan Labi, Kampong2 Tanajor, Ratan, Rampayoh, Tanipol, Kam-pul, Gatas, Tarawan, Simpang dan Telepok Labi hendak-lah membawa perkakas mereka ka-Pejabat Bandaran, di-Dewan Kemasharakatan, Kuala Belait dari 20 April hingga 10 Mei.

Rombongan tersebut akan berada di-bilik saksi Mahkamah Seria dari 11 Mei hingga 29 Mei untuk memereksa sukatan dan timbangan penduduk2 di-kawasan tersebut.

Rombongan pemereksaan sukatan dan timbangan itu akan berada di-Bandar Seri Begawan dari 12 April hingga 17 April dan dari 1 Jun dan sa-terus-nya.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Sa-bagai Penyelia Teknik Kanan

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Penyelia Teknik Kanan di-Jabatan Pertanian, Brunei.

Kelayakan2:

Umor dari 30 hingga 40 tahun. Berkelayakan hingga ka-peringkat Diploma dan/atau mempunyai 10 tahun pengalaman praktikal dalam kerja2 mengukur Tanah, Parit dan

Taliayer dan Kejuruteraan. Kebolehan menggunakan alat2 stero-metric dan menyediakan peta2 dari gambar2 yang di-ambil dari udara ada-lah di-anggap perlu. Sa-banyak sedikit pengalaman dalam kerja2 mencari sumber2 ayer merupakan satu kelebihan. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai sijil menunjukkan

salah satu mata-pelajaran-nya ia lulus dalam bahasa Melayu, atau sekurang2-nya boleh bertutor dalam bahasa Melayu dengan che-kap.

Tugas:

Untuk bertugas di-Jabatan Pertanian di-bawah arahan Jurutera Parit dan Taliayer dan mesti-lah bersedia untuk membuat lain2 pekerjaan di-dalam pejabat.

Gaji:

Dalam sukatan gaji CI EB 2 — B\$570 x 30-630/EB/660 x 30-900. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalun yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sechara berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perchub-an selama 6 bulan. Bagi chalun yang berjaya yang terdiri dari ra-ayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchub-an.

Baksis:

Bagi sa-orang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei, tidak lewat daripada 15 Februari, 1971.

Sa-bagai Kerani

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 Kerani Tingkatan 'B' dalam Perkhidmatan Kerani2 Kerajaan Brunei.

Kelayakan2:

Chalun2 yang di-lantek mesti-lah sudah mencapai umur 17 tahun dan lulus sekurang2-nya Sijil

Gambar bawah: Sa-baha-gian dari kanak2 menyertai lantahan di-Pusat Belia Bandar Seri Begawan.

Sa-bagai Ahli Bomba Pelateh

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan sa-bagai Ahli Bomba pelateh di-Jabatan Pasonka Bomba, Brunei.

Kelayakan2:

- (a) Umor — di-antara 18 dan 28 tahun.
- (b) Tinggi — sekurang2-nya lima kaki empat inchi.
- (c) Pelajaran — sa-seorang pemohon yang hendak masuk berkhidmat dalam jawatan tersebut di-atas hendak-lah lulus sekurang2-nya Darjah VII Sekolah Melayu atau darjah yang sa-bandung di-Sekolah2 Inggeris atau lain2 sekolah.

Kesihatan:

Pemohon2 ada-lah di-kehendaki lulus peperiksaan kesihatan dan mereka mesti-lah mempunyai badan yang tegap.

Menjalankan Tugas2:

Chalun2 yang berjaya apabila di-daftarkan ada-lah di-kehendaki menjalankan tugas di-mana2 Balai Bomba di-negeri ini.

Gaji:

Mulai dari \$180/- sa-bulan dan sa-lepas berkhidmat selama 6 bulan dengan memuaskan chalun2 yang di-pilih akan di-naikkan pangkat menjadi Ahli Bomba Peringkat Kedua dengan gaji sa-banyak \$210/- sa-bulan dalam sukatan gaji \$210x5x245.

Tempat Kumpulan Pengambilan:

Semua pemohon2 ada-lah di-minta hadir di-tempat kumpulan pengambilan di-Ibu Pejabat Pasonka Bomba, Bandar Seri Begawan di-masa hari bekerja selama 2

hari mulai dari 8 Februari, 1971 hingga 9 Februari, 1971 untuk di-uji.

Chalun2 hendak-lah membawa bersama2 mereka Sijil2 Beranak, Sijil2 Pelajaran dan Kad2 Pengenaln semasa datang ka-tempat pengambilan tersebut.

Hanya orang2 yang mempunyai kelayakan2 yang di-kehendaki sa-perti di-atas di-minta menghadhiri kumpulan pengambilan tersebut.

Ujian Bertulis:

Chalun2 yang lulus ujian2 permulaan akan di-uji lagi dengan bertulis dan siapa2 yang gagal dalam ujian ini tidak akan di-sokong untuk jawatan tersebut.

PERLAWANAN TINJU

BANDAR SERI BEGAWAN.

Persatuan Tinju Amator Negeri Brunei, akan mengadakan kejohanan tinju bagi orang2 baru, dalam akhir minggu bulan April, atau dalam awal bulan Mei, tahun ini.

Perlakuan itu, ada-lah terbuka kepada semua orang2 baru di-negeri ini.

Mereka yang chenderong, ada-lah di-minta, supaya berhubung dengan Setia Usaha Terhormat. Persatuan Tinju Amator Negeri Brunei, Peti Surat No. 537, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari 1 April, 1971.

Persatuan itu sekarang sedang mengadakan kelas lantahan tinju di-Pusat Belia di-Bandar Seri Begawan, tiap2 hari Rabu dan Jumaat, mulai pukul 4.00 petang.

Sa-orang juruchakap bagi persatuan itu berkata, semua mereka yang chenderong hendak-lah hadir di-Pusat Belia bagi lantahan pada masa yang di-tetapkan.

Sa-bagai Penyambut

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 perempuan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan kosong sa-bagai Penyambut di-Pejabat Surohanjaya Perkhidmatan 'Awam, Brunei.

Kelayakan2:

Chalun2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Form II Inggeris dan Darjah IV Melayu. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai pengalaman sa-bagai Penyambut Tetamu.

Umor:

Di-antara 17 tahun dan 25 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E. 1-2 EB 3 — \$200x10-270/EB/280x10-330.

Tugas:

Selain daripada menjadi penyambut di-Pejabat Surohanjaya Perkhidmatan 'Awam chalun yang berjaya itu di-kehendaki juga membantut dalam kerja2 di-pejabat.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Bandar Seri Begawan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei, tidak lewat daripada 5 Februari, 1971.

Di-Jabatan Hal Ehwal Ugama

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikuk di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Hanya orang2 yang tinggal berdekatan dengan Mesjid2 tersebut di-kehendaki memohon:—

- a) **IMAM** — Bagi Mesjid Batu Apoi, Temburong.
- b) **IMAM** — Bagi Mesjid Sufri Bolkih, Brunei.
- c) **BILAL** — Bagi Mesjid Sufri, Bolkih, Brunei.
- d) **BILAL** — Bagi Mesjid Kampong Masin — Brunei/Muara.

Kelayakan2:

- a) Pemohon2 mesti-lah berumur antara 20 hingga 45 tahun.
- b) Mesti-lah mahir dalam membacha Al-Quran dan mengetahui rukun2 Ugama Islam.
- c) Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Fardhu Kifayah bila2 masa di-kehendaki.
- d) Pemohon2 mesti-lah bersedia menghadapi satu peperiksaan yang akan di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwal, Brunei.

Gaji:

Dalam sukatan gaji ada-lah sa-perti berikut:—
Jawatan **IMAM** — U.4 — \$260x10-520.

Jawatan **BILAL** — U.2 — \$200x10-400.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Bandar Seri Begawan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei, tidak lewat daripada 8 Februari, 1971.

Tingkatan 'B'

Rendah Pelajaran (Inggeris) atau yang sa-bandung.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB 4 — \$210x10-270x15-315 / EXAM BAR / 330x15-360x20-480/EB/500x20-620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Bandar Seri Begawan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei, tidak lewat daripada 12 Februari, 1971.

Sa-bagai Peon

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk di-lantek sa-bagai Peon di-dalam Perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

KELAYAKAN2:

Pemohon2 mesti-lah lulus darjah VII Sekolah Melayu.

GAJI:

Dalam sukatan gaji F. 1-2-4 EB 4-5 — \$160x5-200/EB/225x5-240-270.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Bandar Seri Begawan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei, tidak lewat daripada 18hb. Februari, 1971.





Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusuf ketika menyampaikan sabda sa-belum merasmikan Mashuarat Agong PERTIWI pada hari Jumaat lepas.

NASIB WANITA BRUNEI LEBEH BAIK DARI WANITA2 LAIN DI-DUNIA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara, Pengiran Haji Md. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah menyeru kaum wanita di-negeri ini supaya mara berganding bahu dengan kaum lelaki dalam memainkan peranan masing2 bagi pembangunan masyarakat dan negara.

Yang Amat Mulia itu bersabda bahawa dalam negara kita yang sedang menempoh zaman pembangunan yang amat pesat ini, tenaga raayat baik lelaki mau pun wanita ada-lah paling di-perlukan.

Masyarakat kita hari ini, sabda Yang Amat Mulia, dalam usaha kita untuk mempertahankan Darussalam sedang berhadapan dengan berbagai2 masalah yang harus di-atasi bersama.

Yang Amat Mulia itu bersabda demikian ketika merasmikan pembukaan Mashuarat Agong Persatuan PERTIWI yang berlangsung pada petang Jumaat lepas di-Pusat Belia.

Bersabda mengenai peranan kaum wanita di-negeri ini, Yang Amat Mulia itu yakin bahawa kaum wanita-lah merupakan anggota masyarakat yang paling penting yang akan menentukan burok baik-nya

masyarakat hari ini dan akan datang.

Tanggung-jawab ini akan dapat di-laksanakan dengan baik, terutama-nya oleh ibu2 yang waras, beriman dan berbudi tinggi untuk mengadakan asohan2 yang sempurna dan menjadikan jenerasi akan datang chukup sehat dan berguna kepada masyarakat dan negara.

Mengenai dengan kemampuan kaum wanita dalam perkembangan negara, Yang Amat Mulia itu tidak ragu2 menyatakan bahawa banyak perkara yang akan dapat di-laksanakan dengan lancar-nya, kalau wanita2 kita sanggup dan mampu memainkan peranan mereka dengan tegas, terutama dalam keluarga masing2.

Bersabda mengenai nasib kaum wanita di-negeri ini, beliau mensifatkan mereka itu telah menikmati nasib sa-tapak lebih baik dari wanita2 di-negara2 lain di-dunia ini.

"Wanita2 kita sejak dari dulu lagi sudah pun menikmati taraf yang sama dengan kaum lelaki. Pekerja2 wanita dan lelaki kita sudah sekian lama berkedudukan sama dan mendapat tangga gaji yang sama, mengalami layanan2 yang sama pula," sabda Yang Amat Mulia itu.

Oleh itu, tegas Yang Amat Mulia, maka soal tersebut tidak-lah lagi merupakan soal yang perlu di-perjuangkan, apa lagi pehak Kerajaan sendiri telah bergiat untuk mengangkat kedudukan dan taraf wanita di-negeri kita ini.

"Kerajaan sanggup mengambil berkhidmat dan memberikan layanan yang sama pada wanita yang berkelulusan dalam jurusan yang dahulu-nya menjadi hak mutlak kaum lelaki," tegas beliau.

Yang Amat Mulia itu menyeru PERTIWI dan wanita2 di-negeri ini supaya lebih giat lagi bergerak dengan serious baik di-segi sosial maupun ekonomi dengan menchunthi perjuangan wanita dan kaum ibu di-negara2 yang sudah membangun demi kepentingan kita bersama.

Dalam kegiatan2 itu pula, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara sukachita mengingatkan mereka supaya tidak lupa, bahkan akan terus tetap mempertahankan keperibadian dan watak2 ketimoran dan ka-Bruncian kita.

Pertandingan lawak jenaka anjan PAPP

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bahagian Kesenian dan Kebudayaan, Persatuan Pemuda Pemudi Kampong Sultan Lama, PAPP akan mengadakan pertandingan lawak jenaka dan membacha sha'ir terbuka kepada orang ramai di-seluruh negeri dalam bulan April depan.

Pada malam itu juga akan di-adakan pertandingan Ratu dan Rani Tahun 1971 terbuka kepada muda mudi di-seluruh negeri.

Sa-orang juruchakap persatuan itu berkata, pertandingan

an2 tersebut akan di-adakan di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan sa-bagai sa-bahagian dari projek tahunan persatuan itu.

Juruchakap itu berkata, tujuan mengadakan pertandingan2 tersebut ia-lah untuk mengutip, serta menambahkan wang tabong persatuan itu.

Kelas dewasa Tingkatan VI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran, Bahagian Pelajaran Dewasa akan mengadakan kelas dewasa tingkatan VI (Sijil Persekolahan Tinggi) aliran Melayu dalam tahun ini.

Orang ramai yang ingin memasuki kelas tersebut sila-lah mendaftarkan nama di-Sekolah Menengah Melayu SMJA, Bandar Seri Begawan pada hari Ahad 31 Januari, 1971 mulai jam 5.00 hingga 6.00 petang.

Pengakap Agong melawat Brunei

(DARI MUKA 1)

menghadhiri upacara pembukaan rasmi bangunan baru Pusat Pertubuhan Pengakap Negeri Brunei di-Jalan Gadong.

Sa-lama berada di-sini, Pengakap Agong itu juga melawat ka-perkhemahan2 pengakap di-Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Belait.

Lord MacLean akan berlepas ka-Kota Kinabalu esok untuk mengadakan lawatan ka-Sabah.

Kapal terbang untuk Brunei

(Dari muka 1)

berangkat melawat ka-sebarang laut.

Apabila kapal terbang itu tidak di-gunakan oleh Duli Yang Maha Mulia ia-nya boleh di-jadikan untuk mengangkut askar2 dan membawa barang2.

Ia-nya juga di-lengkapkan dengan alat radar bagi tujuan2 gerakan menchari dan menyelamat.

Turut hadir di-upacara itu termasuk-lah Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang A.R. Adair, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli-Duli Wazir, Yang Amat Mulia Cheteria2, Ketua2 jabatan kerajaan dan Pegawai2 Askar Melayu Di-Raja Brunei.

Pasokan pancharagam Askar Melayu Di-Raja Brunei telah menyerikan upacara tersebut.

Penyampaian pingat2, lenchana2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Upacara penyampaian pingat2 dan lenchana2 kepada 698 orang penderma2 darah didaerah2 Brunei-Muara dan Belait akan di-adakan pada tarikh2 dan tempat yang berasingan dalam awal bulan depan.

Penderma2 di-Daerah Brunei-Muara akan menerima pingat2 dan lenchana2 mereka di-Dewan Raya Jabatan Penyiaran dan Penerangan, dan Dewan Bahasa dan Pustaka pada hari Selesa 2 Februari jam 8.30 pagi, sementara penderma2 di-Daerah Belait akan menerima pingat2 dan lenchana mereka pada 13 Februari bertempat di-Dewan Kemasyarakatan Kuala Belait jam 9.30 pagi.

Semua penderma2 darah yang berkenaan ada-lah dikehendaki hadir pada masa dan tempat yang di-sebutkan tadi.